

12/08/1997

Mahathir jamin tetap bantu Bosnia

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia terus komited untuk membantu Bosnia-Herzegovina dan mahu mengadakan perkongsian tulen dengan negara Balkan itu.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia menyedari potensi negara itu dan yakin dengan adanya komitmen sebenar ke arah keamanan di kalangan semua pihak terbabit, ekonomi Bosnia dapat dipulih dan dibangunkan, struktur politik dapat dikembalikan dan kehidupan sosial diperkukuhkan.

"Kita berhasrat untuk bekerjasama ke arah pelaksanaan Perjanjian Damai Dayton dan pembinaan semula negara itu," katanya pada majlis makan malam bagi meraikan lawatan Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia-Herzegovina, Dr Haris Silajdzic dan Boro Botic.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sekali lagi komited menyumbang RM31.2 juta bagi program pembinaan semula Bosnia tahun ini dan kaedah pengimbuhan dana serta projek yang akan dilaksanakan sedang dalam perbincangan.

Katanya, Malaysia juga berminat bekerjasama dengan negara lain di Bosnia-Herzegovina dan sudah membincangkan cadangan untuk mengadakan usaha itu secara tiga atau empat pihak dengan beberapa negara berkenaan.

"Kita rasa satu cara untuk mempercepatkan tahap pembinaan semula Bosnia-Herzegovina ialah menggalakkan minat di kalangan banyak negara dalam projek tertentu," katanya.

Sejak beberapa tahun, usahawan Malaysia sudah menimba pengalaman dan kepakaran dalam pelbagai bidang serta boleh berkongsi sumber mereka dengan usahawan Bosnia, bukan sahaja di Bosnia tetapi di Malaysia dan di negara lain.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh menyumbang dalam bidang tertentu termasuk penswastan, perdagangan dan galakan pelaburan serta perancangan ekonomi.

Katanya, Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dalam pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), mengambil bahagian dalam pembangunan infrastruktur dan pembinaan semula kemudahan asas sedia ada serta pembinaan baru seperti lapangan terbang, lebuh raya dan loji tenaga.

Dr Mahathir berkata, beberapa firma Malaysia juga mempunyai kepakaran dalam projek yang dikenal pasti di bawah tajaan Inisiatif Kerjasama Eropah Tenggara (Seci).

Menurut Perdana Menteri, walaupun jumlah perdagangan antara kedua-dua negara masih kecil, ia tidak harus menjadi halangan kerana masih ada peluang untuk berkembang disebabkan Bosnia mempunyai asas perindustrian kukuh serta kepakaran teknologi dan penduduk yang berkemahiran tinggi.

"Kita berharap Bosnia-Herzegovina dapat menjadi salah satu rakan kongsi strategik bagi Malaysia di Eropah Selatan.

"Sebaliknya, kami boleh menjadi saluran penting bagi produk Bosnia untuk memasuki pasaran lebih besar di Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir berkata, komitmen Malaysia kepada usaha mewujudkan keamanan di Bosnia-Herzegovina tetap kuat dengan penyertaan berterusan kontinjen Malaysia (Malcon) dalam Pasukan Penstabil (Sfor) di bawah pimpinan Nato.

"Tentera kami terus berada di sana selagi mendapat mandat antarabangsa untuk berbuat demikian.

"Mereka berada di sana untuk memulihkan keamanan dan bukan untuk kepentingan puak tertentu," katanya. - Bernama

(END)